

## Berita Harian Januari 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Khamis 3 Januari 2018	LGM didakwa rugi RM800 juta hasil jualan tanah melalui transaksi meragukan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	Isnin 7 Januari 2018	Kes rasuah Tengku Adnan pindah ke Mahkamah Tinggi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3.	Isnin 7 Januari 2018	70 saksi mungkin beri keterangan kes pecah amanah Najib, Irwan Serigar Abdullah	DATUK Seri Najib Razak dan Tan Sri Irwan Serigar Abdullah	7
4.	Isnin 7 Januari 2018	Kes rasuah babitkan penjawat awam di PP membimbangkan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
5.	Isnin 14 Januari 2018	12 ditahan kes salah guna kuasa, rasuah RM23 juta di Pahang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	11
6.	Selasa 15 Januari 2018	SPRM tahan 3 individu kes tuntutan palsu projek FELDA	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
7.	Selasa 15 Januari 2018	SPRM tahan 25 individu terima tender JPNS	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
8.	Selasa 15 Januari 2018	Wanita didakwa palsu dokumen, pecah amanah barang kemas bernilai RM494,554	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
9.	Selasa 15 Januari 2018	Abdul Azeez, abang ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
10.	Rabu 16 Januari 2018	Kes tuntutan palsu: Dua pegawai kanan FELDA direman 5 hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
11.	Rabu 16 Januari 2018	2 lot tanah kerajaan di Medan Imbi diseleweng - Khalid Samad	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
12.	Khamis 17 Januari 2018	Peguam didakwa pecah amanah		24
13.	Khamis 17 Januari 2018	Kontraktor direman 7 hari berhubung kes pemalsuan dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
14.	Jumaat 18 Januari 2018	Kontraktor direman bantu siasatan tender makanan asrama	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
15.	Sabtu 19 Januari 2018	8 kontraktor dibebaskan, 2 disambung reman kes palsukan dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	Ahad 20 Januari 2018	ADUN bergelar Datuk ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
17.	Jumaat 25 Januari 2018	Najib akui 1MDB masalah	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	30
18.	Jumaat 25 Januari 2018	Atur seleweng projek kementerian, dua pengurus syarikat direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32
19.	Isnin 28 Januari 2018	2 pensyarah kanan UA ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	34
20.	Selasa 29 Januari 2018	Garis 22 inisiatif utama tangani rasuah	Pelan Antirasuah Nasional (NACP)	35
21.	Rabu 30 Januari 2018	Kerajaan akan terima bayaran pertama wang dicuri dari 1MDB tahun ini - Guan Eng	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	37



Teresa Kok pada sidang media di pejabatnya di Putrajaya, hari ini.

1. **LGM didakwa rugi RM800 juta hasil jualan tanah melalui transaksi meragukan**

PUTRAJAYA: Kementerian Industri Utama mendakwa Lembaga Getah Malaysia (LGM) mengalami kerugian kira-kira RM800 juta hasil penjualan tanah seluas 1,113 hektar milik agensi berkenaan melalui transaksi yang meragukan oleh kerajaan terdahulu.

Menterinya, Teresa Kok, berkata pada Oktober 2010, kerajaan terdahulu melalui kelulusan Kabinet mengarahkan penjualan tanah berkenaan di Sungai Buloh, Selangor kepada Aset Tanah Negara Berhad (ATNB) menerusi jualan langsung bernilai RM1.5 bilion.

Menurutnya, perkara itu terbongkar apabila tanah itu kemudian dibeli oleh Kwasa Land Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM2.28 bilion, sekali gus menyebabkan LGM mengalami kerugian hasil kira-kira RM800 juta.

"Kementerian berpendapat LGM berhak ke atas jumlah RM800 juta itu yang masih gagal dikesan dan Lembaga Pengarah LGM sudah melaporkan transaksi meragukan itu kepada Jabatan Audit Negara untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama, Ravi Muthaya dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi) LGM, Dr Amir Hashim Md Yatim.

Teresa berkata, dengan wang RM1.5 bilion itu, Kabinet terdahulu turut memberi kelulusan kepada Lembaga Pengarah LGM bagi membangunkan baki tanah seluas 236 hektar bagi membina lima kemudahan merangkumi makmal baharu, menara pejabat, muzium, kemudahan sukan serta kluster perniagaan membabitkan sebuah kompleks perniagaan.

Beliau berkata, mengikut rekod, secara senyap-senyap, kerajaan terdahulu juga melantik Project Delivery Partner (PDP) dan bukannya perunding pengurusan projek, yang dilakukan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah LGM ketika itu.

Menurutnya, pada Februari 2018, Lembaga Pengarah baharu LGM secara rasmi menamatkan PDP itu dan kepimpinan baharu juga menemui beberapa traksaksi yang meragukan oleh beberapa pegawai LGM berhubung pelaksanaan lima fasiliti berkenaan.

"Berdasarkan siasatan, projek berkenaan hanya berjalan sebanyak lima peratus sejak 2011 sehingga ditamatkan secara rasmi dan syarikat bertanggungjawab sudah dibayar sebanyak RM70 juta."

"Lanjutan daripada itu, Lembaga Pengarah LGM bertindak membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 27 November lalu akibat perlanggaran prosedur LGM sehingga mengakibatkan kerugian RM70 juta," katanya.

**DATUK Seri Tengku Adnan Tengku Mansor****2. Kes rasuah Tengku Adnan pindah ke Mahkamah Tinggi**

KUALA LUMPUR: Kes bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang didakwa atas dua tuduhan menerima rasuah dan satu pertuduhan pilihan menerima rasuah berjumlah RM3 juta, akan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi.

Hakim Mahkamah Sesyen Azman Ahmad membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan memaklumkan permohonan pembelaan untuk memindahkan kes mengikut Seksyen 417 Kanun Acara Jenayah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Aida Mastura Mohamed Aman, memaklumkan Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan itu pada 14 Disember tahun lalu.

"Bagaimanapun, pihak pembelaan belum menerima perintah di mana kes akan dibicarakan," katanya.

Mahkamah turut memerintahkan jaminan diserahkan kepada Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Pada prosiding itu, peguam Datuk Tan Hock Chuan yang mewakili Tengku Adnan, 68, turut mengesahkan perkara dan pasport anak guamnya diserahkan semula kepada mahkamah hari ini.

Sebelum ini, mahkamah membenarkan pelepasan sementara pasport itu bermula 12 Disember lalu dan memerintahkan tertuduh mengembalikan semula pasportnya kepada mahkamah hari ini.

Tengku Adnan, yang juga bendahari UMNO mengemukakan permohonan mendapatkan sementara pasportnya bagi membolehkan beliau mendapatkan pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital di Melbourne, Australia.

Pada 15 November tahun lalu, Tengku Adnan mengaku tidak bersalah secara rasuah menerima bagi dirinya suatu suapan, iaitu wang berjumlah RM1 juta daripada Tan Eng Boon melalui cek Public Bank milik syarikat Pekan Nenas Industries Sdn Bhd yang didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank bernombor 14200008384058 miliknya.

Perbuatan itu sebagai upah bagi dirinya kerana meluluskan permohonan Nucleus Properties Sdn Bhd (sekarang dikenali sebagai Paragon City Development Sdn Bhd), untuk menaikkan ratio plot berkaitan dengan pembangunan Lot 228, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Dia dituduh melakukan kesalahan di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Dagangan Dunia Putra, Level 2, Podium Block, Pusat Dagangan Dunia Putra, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, pada 27 Disember 2013 dan didakwa perenggan 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (SPRM) [Akta 694], yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda.

Tengku Adnan juga didakwa atas tuduhan pilihan iaitu sebagai seorang Menteri Wilayah Persekutuan, menerima untuk diri sendiri wang berjumlah RM1 juta daripada Eng Boon melalui cek Public bank bernombor 300109 milik syarikat Pekan Nenas Industries Sdn Bhd yang didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank miliknya, yang diketahui Tan sebagai seorang Pengarah di syarikat Nucleus Properties Sdn Bhd ada perhubungan dengan kerja rasminya, di tempat dan tarikh sama.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, Tengku Adnan didakwa menerima untuk diri sendiri wang berjumlah RM2 juta daripada Chai Kin Kong melalui cek Hong Leong Islamic Bank bernombor 136822 milik syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd yang didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank milik Tadmansori Holding Sdn Bhd yang di dalamnya beliau mempunyai kepentingan, yang mana diketahui bahawa syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd ada perhubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Beliau dituduh melakukan kesalahan itu di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Bandar Damansara, Level 1, Lot A4, Block A, Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur, pada 14 Jun, 2016 dan didakwa mengikut seksyen 165 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.



**DATUK Seri Najib Razak (kiri) dan Tan Sri Irwan Serigar Abdullah.**

### **3. 70 saksi mungkin beri keterangan kes pecah amanah Najib, Irwan Serigar**

KUALA LUMPUR: Pendakwaan dijangka memanggil kira-kira 70 saksi untuk memberi keterangan dalam kes pecah amanah dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah, membabitkan wang RM6.6 bilion.

Pada prosiding sebutan kes itu di Mahkamah Tinggi hari ini, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Jamil Aripin, berkata senarai saksi pendakwaan kesemuanya berjumlah seramai 138 orang.

Ketika diminta mengulas perkara itu selepas prosiding, Jamil memberitahu pemberita, sekurang-kurangnya hanya 70 saja daripada jumlah itu akan dipanggil memberikan keterangan.

Beliau berkata, ia adalah kerana saksi hanya dipanggil berdasarkan keadaan semasa dan sama ada terdapat keperluan memanggil setiap saksi yang disenaraikan.

Katanya, pihak pendakwaan juga memberikan aku janji kepada peguam bela untuk menyerahkan semua dokumen mengikut Seksyen 51A pada 15 Februari ini.

"Sebanyak 70 peratus dokumen sudah diserahkan kepada pihak pembelaan... Bagaimanapun, kami memerlukan masa selama sebulan lebih untuk menyerahkan bakinya.

"Ini kerana dokumen terbabit ada yang masih diklasifikasikan sebagai sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi dan ia perlu dinyahklasifikasi terlebih dulu," katanya.

Sementara itu, Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali, menetapkan selama dua bulan bermula 8 Julai sehingga 22 Ogos ini (tidak termasuk hari Jumaat) bagi perbicaraan kes terbabit.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib kemudian memberitahu mahkamah, sementara menunggu penyerahan dokumen, pihaknya akan memfailkan permohonan supaya Mohd Nazlan menarik diri daripada mendengar kes itu.

Muhammad Shafee berkata, ia adalah kerana hakim itu juga akan mendengar kes pecah amanah dan salah guna kuasa membabitkan Najib berhubung SRC International Sdn Bhd.

"Kedua-dua kes ini mempunyai kaitan... Kami akan meneliti hala tuju bagaimana yang arif akan prejudis jika mendengar kes ini.

"Kemungkinan saksi yang sama juga akan dipanggil memberikan keterangan dalam kedua-dua kes ini.

"Oleh itu kami akan memfailkan permohonan ini (supaya hakim menarik diri)," katanya.

Sementara itu peguam Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili Irwan Serigar, berkata pihaknya juga akan memfailkan permohonan sama.

Pada 25 Oktober tahun lalu, Najib, 66, dan Irwan Serigar, 62, mengaku tidak bersalah terhadap enam tuduhan pecah amanah membabitkan dana Kerajaan Malaysia berjumlah lebih RM6.6 bilion.

Najib dan Irwan Serigar selaku penjawat awam iaitu masing-masing atas kapasiti Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, diamanahkan ke atas harta iaitu wang berjumlah antara RM220 juta dan RM1.3 bilion milik Kerajaan Malaysia, didakwa melakukan pecah amanah terhadap harta itu.

Keenam-enam tuduhan itu didakwa dilakukan di Kompleks Kementerian Kewangan, Putrajaya di antara 21 Disember 2016 dan 18 Disember 2017.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan serta boleh juga dikenakan denda.

**DATUK Seri Farizan Darus****4. Kes rasuah babitkan penjawat awam di PP membimbangkan**

GEORGETOWN: Jumlah kes rasuah membabitkan penjawat awam di Pulau Pinang membimbangkan dengan 10 kesalahan direkodkan setiap bulan sepanjang tahun lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Farizan Darus, berkata berikut itu pihaknya akan terus berusaha meningkatkan tahap kesedaran untuk memastikan statistik penjawat awam di Pulau Pinang yang terbabit dalam gejala rasuah dan salah guna kuasa dapat dibendung pada masa depan.

"Berdasarkan statistik kesalahan rasuah di Pulau Pinang pada tahun lalu, 115 kes direkodkan membabitkan kesalahan terima rasuah, tuntutan palsu, menyalahgunakan jawatan atau kedudukan dan pelbagai lagi, ia jumlah yang membimbangkan.

"Manakala bagi kesalahan tatatertib, sebanyak 44 kes membabitkan kesalahan tidak hadir bertugas, lewat ke pejabat, tidak mengetip kad perakam waktu, pengambilan dadah dan mengemukakan sijil sakit palsu di rekodkan tahun lalu," katanya semasa berucap sempena Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow di sini, hari ini.

Katanya beliau berharap kes rasuah, salah guna kuasa dan perlanggaran peraturan tatatertib dapat dikurangkan sehingga 40 peratus pada tahun ini dan ketua-ketua jabatan di minta menyelaraskan semua proses serta prosedur kerja supaya lebih telus dan lebih cekap untuk dilaksanakan.

Farizan berkata pencegahan awal juga perlu dilakukan iaitu dengan mengkaji semula prosedur operasi standard sedia ada setiap tugas supaya dihapuskan ruang untuk penjawat awam melakukan kesalahan salah guna kuasa atau rasuah.

Katanya, kewujudan sistem dan prosedur yang mantap serta menghapuskan atau mengurangkan kerentak birokrasi serta mempercepatkan penyampaian perkhidmatan juga boleh mengelak berlakunya rasuah.

"Saya akan terus bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengesan, mencari dan menangkap penjawat-penjawat awam yang melakukan kesalahan rasuah dalam memastikan penjawat awam Pulau Pinang bersih daripada gejala berkenaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata keadaan ekonomi dunia dan negara yang tidak menentu menjadikan peruntukan kewangan agak ketat dan memerlukan pengurusan perbelanjaan yang lebih cekap serta berhemah.

"Pihak pengurusan perlu lebih teliti, cekap, mempunyai integriti yang tinggi, mengamalkan prinsip 'best value for money' (nilai terbaik untuk wang yang dibelanjakan) " serta memastikan pembelian bukan saja berbaloi tetapi adalah pemilihan terbaik kepada kerajaan," katanya.



**ANGGOTA SPRM membawa 12 individu termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) bersama lima yang baru ditahan semalam untuk permohonan reman selepas dipercayai terbabit dalam kegiatan salah guna kuasa projek bernilai RM23 juta di Kompleks Mahkamah, Indera Mahkota.**

##### **5. 12 ditahan kes salah guna kuasa, rasuah RM23 juta di Pahang**

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan 12 individu termasuk tujuh pegawai sebuah jabatan kerajaan di Pahang bagi membantu siasatan salah guna kuasa dan rasuah membabitkan projek bernilai RM23 juta.

Sumber berkata, SPRM turut menyita beberapa barang berharga dipercayai hasil kegiatan rasuah dan salah guna kuasa termasuk wang tunai, kenderaan dan jongkong emas.

"Jumlah aset yang disita ialah wang tunai bernilai lebih RM100,000, dua kereta jenama Mazda CX5 dan Honda CRV serta sebuah jongkong emas dianggarkan bernilai lebih RM18,000," katanya.

Menurutnya, kegiatan itu berlaku sejak 2014 dan sepanjang tempoh empat tahun kebelakangan ini, projek bawah kendalian dan seliaan agensi berkenaan dimonopoli serta dikawal oleh seorang kontraktor.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penyitaan itu dan pasukan penyiasat kini dalam proses mengumpul bukti termasuk menjalankan siasatan lanjut

## 6. SPRM tahan 3 individu kes tuntutan palsu projek FELDA

IPOH: Tiga individu termasuk seorang berjawatan penolong pengarah di Ibu Pejabat FELDA ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan berhubung tuntutan palsu bagi kerja pembinaan tembok penahan tanah runtuh di FELDA Trolak Selatan, Sungkai.

Selain pegawai kanan FELDA itu, turut ditahan adalah seorang kontraktor dan eksekutif teknikal sebuah syarikat pengurusan harta tanah yang dilantik oleh FELDA bagi memantau projek berkenaan.

Kontraktor dan eksekutif teknikal yang ditahan semalam sudah direman selama empat hari di Mahkamah Majistret di sini hari ini, manakala pegawai kanan FELDA yang ditahan hari ini akan direman esok.

Kontraktor dan eksekutif teknikal, masing-masing berusia 48 dan 35 tahun yang memakai baju lokap SPM, dibawa ke mahkamah jam 11.30 pagi sebelum Majistret, Nabihah Mohd Noor membenarkan permohonan SPRM untuk menahan reman kedua-dua mereka.

Pengarah SPRM Perak, Datuk Zainul Darus, berkata pihaknya akan menahan seorang lagi individu iaitu Pegawai Kanan FELDA Trolak bagi membolehkan siasatan berhubung kes berkenaan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2019.

Katanya, kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu bagi bayaran kerja pembinaan dan bersubahat memperakukan kerja membina tembok penahan runtuhan rumah peneroka FELDA Trolak Selatan.

"Tuntutan palsu ini dibuat sedangkan kerja-kerja yang dibuat tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tender bernilai RM137,900.

"Esok SPRM akan membuat permohonan reman terhadap dua lagi individu iaitu (berjawatan) penolong pengarah FELDA dan pegawai kanan FELDA Trolak di Mahkamah Majistret Ipoh," katanya ketika dihubungi.



SPRM membawa dua suspek bagi permohonan reman di Mahkamah Majistret bagi membolehkan siasatan berhubung tuntutan palsu bagi kerja pembinaan tembok penahan tanah runtuh di FELDA Trolak Selatan, Sungkai.



**SPRM membawa 13 individu untuk mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, bagi membantu siasatan berkaitan pemalsuan dokumen dan mengemukakan penyata bank palsu bagi mendapatkan tender Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dari tahun 2016 hingga 2018.**

#### **7. SPRM tahan 25 individu terima tender JPNS**

**KOTA KINABALU:** Seramai 25 individu merangkumi pemilik dan pengurus syarikat ditahan di negeri ini bagi membantu siasatan berkaitan pemalsuan dokumen dan mengemukakan penyata bank palsu bagi mendapatkan tender Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dari tahun 2016 hingga 2018.

Daripada jumlah itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 13 pengurus syarikat kontraktor termasuk tiga wanita di daerah ini berkaitan pemalsuan dokumen bagi mendapatkan tender di JPNS.

Difahamkan, semua suspek berusia 30-an hingga 60-an yang ditahan di beberapa lokasi semalam, terdiri daripada pengurus syarikat kontraktor dari Kota Kinabalu, Kota Belud, Kuala Penyu, Beaufort dan Ranau, membabitkan nilai tender keseluruhan bernilai RM6 juta.

Kesemua mereka direman lima hari mulai hari ini bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 kerana mengemukakan dokumen palsu untuk mendapatkan tender.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Mohamad Aizat Abdul Rahim di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, hari ini manakala prosiding bagi mendapatkan perintah reman itu dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Faliq Basiruddin.

Di Tawau, lima individu direman tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes penipuan dokumen penyata bank bagi mendapatkan tender bernilai hampir RM9 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Herlina Muse di Mahkamah Majistret di sini, selepas membenarkan permohonan SPRM.

Suspek iaitu tiga wanita dan dua lelaki berusia 35 hingga 65 tahun ditahan di pejabat SPRM Tawau dan beberapa lokasi lain antara jam 1.20 tengah hari hingga 9 malam tadi.

Difahamkan, semua suspek adalah pengurus dan pemilik empat syarikat yang mengemukakan penyata bank palsu bagi mendapatkan tender membekal makanan bermasak untuk empat sekolah menengah berasrama sekitar Tawau antara tahun 2017 hingga 2018.

Sementara itu, seorang individu ditahan di Sandakan dan empat di Keningau selain dua di Lahad Datu berkaitan kes sama.



**Natasya (kanan) menghadapi 31 tuduhan memalsukan dokumen dan pecah amanah barang kemas bernilai RM494,554, tiga tahun lalu**

**8. Wanita didakwa palsu dokumen, pecah amanah barang kemas bernilai RM494,554**

KOTA BHARU: Seorang bekas eksekutif pajak gadai sebuah syarikat kewangan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini terhadap 31 tuduhan memalsukan dokumen dan pecah amanah barang kemas bernilai RM494,554, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Natasya Mohd Zahid, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke 15, tertuduh didakwa memperdaya Ketua Kedai Ar Rahnu X'Change, Norhafizah Hanom Mohd Ab Halim, dengan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu untuk kelulusan pinjaman gadaian barang kemas keseluruhan berjumlah RM204,410.

Kesalahan dilakukan di Kedai Ar Rahnu X'Change di Jalan Kebun Sultan di sini pada Mei hingga Oktober 2016.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan dihukum di bawah Subseksyen 24 (2) akta sama yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima ganda nilai butiran palsu atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Bagi pertuduhan ke 16 hingga 31, tertuduh didakwa melakukan pecah amanah dengan menggadaikan barang kemas milik enam pelanggan bernilai RM290,144 pada tarikh dan di lokasi sama.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum dua tahun dan maksimum 20 tahun dan sebat dan juga boleh dikenakan denda.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Kelantan, Shahidah Muslimah Roslan, memohon jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin serta pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam Datuk Mohd Hakimi Ab Kadir yang mewakili tertuduh, memohon jaminan RM10,000 dengan mengambil kira latar belakang anak guamnya yang tidak bekerja.

"Tertuduh juga perlu menjaga anak berusia setahun selain perlu menjalani rawatan akibat penyakit ketumbuhan dalam perut," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan memerintahkan pasport diserahkan kepada mahkamah. Mohd Zaman menetapkan 4 Mac depan untuk sebutan semula kes.



**AHLI Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (kiri) ditahan SPRM berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram.**

#### **9. Abdul Azeez, abang ditahan SPRM**

PUTRAJAYA: Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan abangnya, Datuk Abdul Latif ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang ini berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Kedua-dua mereka ditahan kira-kira jam 4.30 petang tadi selepas hadir memberi keterangan berhubung kes berkenaan di Ibu Pejabat SPRM, di sini.

SPRM dalam kenyataan hari ini berkata, pihaknya sudah mendapat izin daripada Pejabat Peguam Negara untuk mendakwa kedua-dua mereka.

"Susulan itu, kedua-duanya akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok jam 9 pagi mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001," katanya.

Terdahulu, Abdul Azeez dan Abdul Latif tiba di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 2.55 petang untuk dirakam keterangan.

Abdul Azeez yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO dilihat tiba dengan menaiki kereta jenis Proton Perdana.

Sebelum ini, Abdul Azeez pernah dipanggil memberi keterangan oleh SPRM berhubung siasatan kes tender projek kerajaan.

Pada 15 September lalu, SPRM menahan Abdul Azeez dan abangnya serta seorang pengarah syarikat berhubung dakwaan penerimaan rasuah daripada sebuah syarikat kontraktor bagi satu projek Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

**10. Kes tuntutan palsu: Dua pegawai kanan FELDA direman 5 hari**

IPOH: Dua pegawai kanan FELDA direman lima hari untuk membantu siasatan berhubung tuntutan palsu kerja-kerja pembinaan tembok penahan tanah runtuhan di FELDA Trolak Selatan, Sungkai.

Penolong pengarah di Ibu Pejabat FELDA dan pegawai kanan FELDA Trolak itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam sebelum dibawa ke Mahkamah Majistret di sini hari ini untuk permohonan reman.

mereka masing-berusia 39 dan 33 tahun tiba dengan berpakaian lokap SPRM jam 11 pagi sebelum Majistret, Siti Hanum Mohamad Sah membenarkan permohonan SPRM untuk menahan reman kedua-dua suspek.

Semalam, NSTP melaporkan dua lagi suspek kes sama, iaitu kontrakror dan eksekutif teknikal sebuah syarikat pengurusan harta tanah yang dilantik oleh FELDA bagi memantau projek, direman selama empat hari.

Pengarah SPRM Perak, Datuk Zainul Darus dilaporkan berkata, empat suspek itu ditahan untuk membantu siasatan kes tuntutan palsu bayaran kerja-kerja pembinaan dan bersubahat memperakukkan kerja-kerja membina tembok penahan runtuhan rumah peneroka FELDA Trolak Selatan.

"Tuntutan palsu ini dibuat sedangkan kerja-kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tender bernilai RM137,900. Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2019," katanya.



PEGAWAI kanan FELDA direman lima hari untuk membantu siasatan berhubung tuntutan palsu kerja-kerja pembinaan tembok penahan tanah runtuh di FELDA Trolak Selatan, Sungkai.

### 11.2 lot tanah kerajaan di Medan Imbi diseleweng - Khalid Samad

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan mendedahkan berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kes pencerobohan dua lot tanah milik kerajaan di Medan Imbi, Bukit Bintang.

Menterinya, Khalid Abdul Samad, berkata tanah terbabit adalah Lot 568 milik Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan dan Lot 716, yang dimiliki Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan di bawah seliaan Ketua Setiausaha Negara (yang diurus tadbir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, dua lot tanah seluas 0.14 hektar (16,000 kaki persegi) itu pada asalnya adalah taman permainan dan kawasan lapang yang dipenuhi pokok-pokok tetapi kini sudah digantikan dengan sebuah bangunan pejabat enam tingkat serta gerai buah-buahan.

"Kedua-dua lot tanah terbabit dimajukan oleh sebuah syarikat yang sama. Apa yang menjadi persoalan di sini adalah bagaimana mereka (syarikat terbabit) boleh membangunkan tanah milik kerajaan?

"Berdasarkan siasatan dalaman yang dilakukan unit integriti kementerian, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dipercayai berlaku sejak Mac 2015 lagi.

"Pihak kementerian akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat dan kita percaya ia bukan satu-satunya kes penyelewengan atau salah guna kuasa yang berlaku dalam Kementerian Wilayah serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum ini," katanya pada sidang media di DBKL, hari ini.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Shahruddin Md Salleh serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Mengulas lanjut, Khalid berkata dua lot tanah itu dianggarkan bernilai hampir RM20 juta dan syarikat terbabit tidak membayar satu sen pun kepada kerajaan.

Kata beliau, syarikat itu sebelum ini dikatakan pernah membuat permohonan untuk menyewa tanah terbabit tetapi tidak diberi kebenaran.

Katanya, pihak DBKL sendiri pun pernah mahu mendapatkan tanah berkenaan tetapi pihak PTG tidak membenarkan

"Dalam isu ini, kita hairan bagaimana pindaan kebenaran merancang (DO) mahupun kelulusan pembinaan bangunan boleh dikeluarkan sedangkan tanah itu bukan milik syarikat berkenaan.

"Sejak bangunan pejabat dan gerai buah-buahan di tanah itu siap dibina pada Februari 2018, mereka (syarikat terbabit) juga mengutip sewa daripada penyewa dan tiada sebarang pulangan kepada DBKL.

"Notis untuk mengosongkan tanah itu sebelum 10 Januari sudah dikeluarkan kepada syarikat terbabit, namun mesyuarat yang diadakan memutuskan untuk menunggu maklum balas pihak berkenaan sebelum tindakan lanjut diambil," katanya.

Menurut Khalid lagi, syarikat terbabit masih mempunyai pilihan lain iaitu memohon kebenaran untuk membeli tanah daripada pemilik pada harga pasaran.

Selain itu, syarikat terbabit juga perlu membayar premium dan denda yang akan dikenakan.

"Syarikat berkenaan diberi tempoh sehingga akhir bulan ini, jika tiada maklum balas, kita anggap mereka tidak berminat dan tindakan lanjut akan diambil.

"Di pihak kementerian, kita memandang serius penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku ketika pemerintahan sebelum ini," katanya.



**Seorang peguam wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen diatas tiga pertuduhan pecah amanah antara bulan Jun hingga Oktober 2017 di Mahkamah Sesyen Kluang, hari ini.**

#### **12. Peguam didakwa pecah amanah**

**KLUANG:** Seorang peguam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tiga tuduhan pecah amanah membabitkan lebih RM355,000, tahun lalu.

Safrina Saadan, 35, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik ketiga-tiga pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim K Rajeswari.

Berdasarkan kertas pertuduhan, wanita itu sebagai peguam yang diamanahkan dengan wang RM355,437.10 daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), didakwa melakukan pecah amanah menyalahgunakan wang berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di firma guaman Safrina Saadan & Co di Jalan Rambutan di sini, antara 22 Jun 2017 hingga 3 Oktober 2017.

Bagi tuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat serta denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Shaarmini Arjunan, manakala tertuduh diwakili barisan peguam dari Tetuan Ramesh Vasan & Co dan Tetuan Gan & Zul.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM21,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan dan menetapkan 7 Februari ini untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.



**Seorang kontraktor (kanan) dibawa ke Mahkamah Majistret di Sandakan bagi mendapatkan perintah reman untuk membantu siasatan berhubung kes mendapatkan tender Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.**

### **13. Kontraktor direman 7 hari berhubung kes pemalsuan dokumen**

**SANDAKAN:** Seorang kontraktor berusia 28 tahun ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan berkaitan pemalsuan dokumen dan mengemukakan penyata bank palsu bagi mendapatkan tender Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS).

Lelaki terbabit ditahan Suruhanjaya Rasuah Malaysia (SPRM) semalam bagi membantu siasatan berkaitan kes penipuan dokumen penyata bank untuk mendapatkan tender membekal makanan bermasak bernilai RM2.26 juta.

Dia ditahan bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 kerana mengemukakan dokumen palsu untuk mendapatkan tender.

Perintah reman dikeluarkan oleh Pendaftar, Rosmaini Osman di Mahkamah Majistret Sandakan hari ini, manakala prosiding bagi mendapatkan perintah reman dikendalikan Penolong Kanan Pengusa SPRM Sandakan, Suhaimi Abd Manaf.

Dia antara 25 individu membabitkan pemilik dan pengurus syarikat di negeri ini yang ditahan SPRM Sabah bagi membantu siasatan berkaitan mengemukakan penyata bank palsu bagi mendapatkan JPNS antara tahun 2016 hingga 2018.

Ismen lalu, SPRM menahan 13 pengurus syarikat kontraktor termasuk tiga wanita di Kota Kinabalu berkaitan pemalsuan dokumen bagi mendapatkan tender di JPNS.

Mereka yang berusia 30-an hingga 60-an itu ditahan di beberapa lokasi di Kota Kinabalu yang mana setiap syarikat dipercayai memperoleh tender bernilai ratusan ribu hingga jutaan ringgit, termasuk sebuah syarikat menerima tender RM10 juta.

#### **14. Kontraktor direman bantu siasatan tender makanan asrama**

SANDAKAN: Seorang kontraktor direman tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana mengemukakan penyata bank palsu untuk mendapatkan tender pembekalan makanan bermasak asrama sebuah sekolah di Beluran bernilai RM2.2 juta pada 2016.

Pendaftar Mahkamah Majistret, Rosmaini Osman, membenarkan permohonan Penolong Kanan Penguasa SPRM, Shuhaimi Abd Manaf, untuk menahan reman lelaki berusia 52 tahun itu sehingga 24 Januari ini.

Lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda daripada nilai tuntutan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



### **15.8 kontraktor dibebaskan, 2 disambung reman kes palsukan dokumen**

KOTA KINABALU: Mahkamah Majistret, di sini hari ini, membebaskan lapan pengurus syarikat kontraktor yang direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berkaitan kes pemalsuan dokumen.

Majistret Stephanie Sherron Abbie, menetapkan jaminan RM8,000 untuk pembebasan semua individu terbabit.

Sementara itu, Stephanie membenarkan permintaan SPRM untuk menyambung tahanan reman dua kontraktor lain selama empat hari lagi bagi membantu siasatan agensi itu.

10 individu itu adalah antara 13 pengurus syarikat kontraktor, termasuk tiga wanita yang ditahan dan direman SPRM pada 15 Januari lalu.

Mereka disyaki mengemukakan dokumen palsu bagi mendapatkan tender projek daripada Jabatan Pendidikan Sabah.

Syarikat terbabit adalah dari sekitar Kota Kinabalu, Ranau, Kota Belud, Kuala Penyu dan Beaufort.

Suspek yang berumur antara 30 tahun hingga 60 tahun itu didakwa mendapat tender bernilai jutaan ringgit sejak 2016 dengan menggunakan dokumen palsu.

Tiga suspek wanita sudah dibebaskan dua hari lalu dengan jaminan sebanyak RM5,000 dan dua penjamin tempatan.

Permohonan reman terhadap semua individu terbabit dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Faliq Basiruddin.



#### 16. ADUN bergelar Datuk ditahan SPRM

KUALA TERENGGANU: Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu bernilai RM500,000.

ADUN berusia 54 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Terengganu kira-kira jam 5 petang tadi ketika memberi keterangan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Suspek dikatakan mengemukakan tuntutan berjumlah RM500,000 pada Mei tahun lalu kepada Pejabat Daerah dan Tanah di sebuah daerah bagi perbelanjaan untuk 32 program sedangkan program itu dipercayai tidak dilaksanakan.

Sebelum ini, seorang pegawai daerah berusia 59 tahun dan pengurus majlis belia berusia 38 tahun yang ditahan pada 13 Januari dan 8 Januari lalu direman bagi membantu siasatan kes sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Mohd Zaki Hassan ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

Katanya, pihaknya akan membuat permohonan reman di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu bagi membolehkan siasatan dijalankan.



**NAJIB Raza**

### **17. Najib akui 1MDB masalah**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengakui 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mempunyai masalah, namun ia bukan penyebab kepada ekonomi negara menjadi teruk.

"Ya, betul. 1MDB memang ada masalah.

"Oleh itu, kerajaan BN (Barisan Nasional) menjalankan rasionalisasi ke atas 1MDB dan menandatangani perjanjian penyelesaian dengan IPIC (International Petroleum Investment Company) untuk mendapat semula wang yang dikatakan hilang," katanya menerusi Facebook beliau, hari ini.

Najib menangkis dakwaan kerajaan Pakatan Harapan (PH) bahawa kerajaan BN dahulu menjadi punca kepada kemerosotan ekonomi negara.

Najib berkata, hutang 1MDB kini ialah sekitar RM30 bilion dan semua wang daripada 1MDB ialah daripada sumber pinjaman, bukan dari rizab kerajaan ataupun Petronas dan Khazanah.

"Hutang 1MDB hanya perlu dibayar dengan sepenuhnya pada tahun 2039. Aset 1MDB juga besar nilainya.

"Satu perjanjian penyelesaian sudah ditandatangani dengan kerajaan Abu Dhabi untuk mendapatkan semula semua wang yang didakwa hilang dari 1MDB sebelum 31 Disember 2020," katanya.

Beliau berkata, hutang RM30 bilion itu jauh lebih rendah daripada RM82 bilion 'dijarah' dari Petronas dan hasil RM40 bilion hilang akibat Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta ketika tempoh tiga bulan GST sifar tahun lalu.

"RM30 bilion adalah 4.3 peratus dari jumlah hutang rasmi kerajaan sebanyak RM686 bilion dan 2.22 peratus dari jumlah KDNK Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak RM1.35 trilion pada 2017," katanya.

Beliau turut membangkitkan persoalan mengenai skandal forex dengan RM33 bilion dari rizab negara hilang begitu sahaja pada 1993 kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

"Hutang 1MDB masih belum perlu dibayar, nilai asetnya masih tinggi dan ada usaha untuk mendapat kembali wang yang dikatakan hilang akan menjahamkan ekonomi negara?

"Tetapi skandal forex di mana wang yang rugi tidak dapat dicari ataupun dituntut kembali, tidak ada aset ditinggalkan dan ia adalah peratusan yang amat besar daripada KDNK negara tidak menjahamkan ekonomi negara pula?

"Kerajaan PH perlu mengaku sahaja bahawa ekonomi menjadi teruk di bawah dasar dan kawalan mereka - bukan sebab 1MDB," katanya.



**Tempoh reman dua pengarah syarikat termasuk seorang yang bergelar 'Datuk' dilanjutkan sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan kes rasuah dan tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM1.8 juta. Manakala seorang lagi suspek wanita (dua, kanan) dibebaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,00 dengan seorang penjamin**

#### **18. Atur seleweng projek kementerian, dua pengurus syarikat direman**

**PUTRAJAYA:** Dua pengurus syarikat direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan projek berjumlah kira-kira RM15 juta di sebuah kementerian sejak 2017.

Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan kedua-dua suspek wanita berkenaan direman selama enam bermula hari ini sehingga 30 Januari ini.

Difahamkan, kedua-dua wanita berkenaan dipercayai berperanan sebagai dalang dalam mengatur penyelewengan projek berjumlah kira-kira RM15 juta di sebuah kementerian.

Menurut sumber, dua pengurus syarikat, masing-masing berusia 41 dan 44 tahun itu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, kira-kira jam 8 malam di Ibu Pejabat SPRM di sini ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, kedua-dua wanita terbabit dipercayai bersekongkol dengan seorang lagi suspek utama bagi mendapatkan projek di kementerian berkenaan untuk diberikan kepada syarikat tertentu, berjumlah kira-kira RM15 juta sejak 2017.

Sumber itu menjelaskan, suspek utama itu dipercayai menerima habuan 20 hingga 30 peratus daripada setiap projek.

SPRM juga sedang mengesan beberapa lagi individu dan beberapa syarikat pembekal di seluruh Malaysia yang disyaki terbabit dalam sindiket itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Bakri, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

## 19.2 pensyarah kanan UA ditahan SPRM

SEGAMAT: Dua pensyarah kanan sebuah universiti awam (UA) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki melakukan salah guna kuasa dalam kerja berkaitan projek bekalan di universiti berkenaan.

Dalam satu kenyataan media, SPRM berkata, dua pensyarah kanan berkenan yang masing-masing lelaki dan wanita ditahan di universiti berkenaan di kampus Segamat di sini, kira-kira jam 2 petang, semalam.

Katanya, hasil siasatan awal dijalankan mendapati kedua-dua suspek menggunakan kedudukan dan jawatannya dengan memberikan kerja berkaitan projek bekalan di kampus universiti itu kepada syarikat yang dipercayai milik adik kepada seorang daripada suspek.

Perbuatan itu membabitkan jumlah kira-kira RM25,000.

Kedua-dua suspek berusia 40-an itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi dan penjara maksimum 20 tahun.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias mengesahkan tangkapan berkenaan dan berkata, Mahkamah Sesyen Segamat membenarkan tempoh tahanan reman selama tujuh hari terhadap kedua-dua suspek bermula hari ini.



## 20. Garis 22 inisiatif utama tangani rasuah

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan pembiayaan politik, termasuk aktiviti melobi sebagai usaha menangani rasuah.

Ia antara 22 inisiatif perlu diberi keutamaan yang digariskan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, berdasarkan keperluan segera untuk menangani salah laku itu di negara ini.

Selain itu, NACP turut menggariskan supaya kuasa Pendakwa Raya perlu diasingkan daripada kuasa PEGUAM NEGARA bagi memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan.

Pelaksanaan kuasa menteri, khususnya membabitkan perolehan dan kewangan pula, perlu dinyatakan dalam peruntukan undang-undang bagi mewujudkan kebertanggungjawaban serta ketelusan.

Inisiatif lain termasuklah memperkenalkan sistem pengisytiharan harta anggota pentadbiran dan ahli Parlimen, serta memperbaiki dasar dan mekanisme berkaitan pemberian hadiah, keraian dan bayaran oleh anggota kerajaan.

Kes rasuah di mahkamah juga perlu diberi keutamaan untuk didengar hakim, selain ia diuruskan timbalan pendakwa raya berpengalaman serta dilatih dalam pengurusan kes rasuah.

Kerajaan juga perlu melarang anggota pentadbiran atau individu berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan kepada mana-mana permohonan projek dan ketua jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima sebarang surat sokongan daripada mereka.

Selain itu, kuasa ahli politik dan individu berpengaruh juga perlu dikawal dengan mengehadkan campur tangan dan kawalan mereka terhadap prestasi serta keputusan dibuat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Garis panduan yang telus membabitkan pelantikan pegawai khas, setiausaha politik, setiausaha sulit dan setiausaha media kepada menteri dan timbalan menteri juga perlu diperkenalkan, merangkumi syarat pelantikan, bilangan, fungsi, tanggungjawab serta gaji dan imbuhan layak diberikan.

NACP turut menggesa kerajaan memperkenalkan klaus standard bagi semua perolehan projek membabitkan kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkepentingan bagi melindungi kepentingan kerajaan.

Projek yang dilaksanakan agensi dan agensi kawal selia pula perlu mengikut nasihat dan cadangan dikemukakan jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi teknikal berkaitan.

Dasar mengenai pelantikan ahli politik sebagai pengurus atau ahli lembaga pengarah dalam badan berkanun, syarikat milik kerajaan (SOEs), syarikat terhad dengan jaminan (CLBG), berasaskan kelayakan akademik atau profesional, perlu diperkenalkan.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng menyampaikan cek kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bagi menggerakkan kempen 'Beli Barang Malaysia', di Putrajaya, hari ini

**21. Kerajaan akan terima bayaran pertama wang dicuri dari 1MDB tahun ini - Guan Eng**

PUTRAJAYA: Kerajaan akan menerima bayaran pertama daripada wang yang didakwa dicuri daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tahun ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata beliau enggan menyatakan jumlah wang berkenaan dan daripada mana sumber itu diterima, namun menyifatkannya satu permulaan yang baik kepada kerajaan.

"Nilainya bukan berbilion, namun ia adalah permulaan dan berita yang baik, diharapkan permulaan ini akan diikuti dengan bayaran berikutnya.

"Seterusnya kerajaan akan mendapatkan kembali wang lain yang dicuri daripada 1MDB," katanya pada sidang media selepas menyampaikan cek sebanyak RM20 juta kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menggerakkan kempen 'Beli Barang Malaysia', di sini, hari ini.

Kata Guan Eng, beliau akan mengumumkan butiran mengenai perkara itu selepas ia dimuktamadkan.

Berhubung kajian dikeluarkan Global Financial Integrity (GFI) yang meletakkan Malaysia di kedudukan ketiga dalam aliran keluar wang haram pada 2015 selepas China dan Mexico, beliau berkata biarpun ia berita buruk, kerajaan akan menerima sejumlah wang daripada dana 1MDB.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata beliau turut menggesa parti politik pembangkang yang menyuarakan sokongan kepada Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, supaya memulangkan wang diterima daripada 1MDB.

"Saya berharap mereka boleh kembalikan wang ini kepada kerajaan .. parti politik yang mana? Saya fikir semua orang tahu.

"Satu parti politik menerima ratusan juta manakala yang lain menerima RM16.5 juta," katanya.

Tambah beliau, jika parti-parti politik itu masih tidak memulangkan wang berkenaan, langkah-langkah perlu diambil untuk mendapatkan wang itu, termasuk menerusi tindakan undang-undang.